




MAJLIS PERBANDARAN **SELAYANG**



LAPORAN TAHUNAN 2011





Menara MPS

© MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG

DITERBITKAN OLEH

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM & PERANCANGAN KORPORAT

Majlis Perbandaran Selayang

Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang

68100 Batu Caves,

Selangor Darul Ehsan .

Penerbit tidak akan bertanggungjawab atas sebarang pelanggaran hak cipta dan masalah dari penerbitan ini.

Penerbitan ini boleh diterbitkan semula keseluruhan dan sebahagiannya, bagi tujuan pendidikan atau tujuan-tujuan yang tidak memberi keuntungan tanpa persetujuan daripada pemilik hak cipta, dengan syarat penghargaan diberi kepada sumber berkenaan dan senaskah terbita yang menggunakan terbitan ini sebagai sumber dikemukakan ke Majlis Perbandaran Selayang. Terbitan ini tidak boleh diterbitkan untuk tujuan atau untuk apa-apa tujuan perniagaan tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Majlis Perbandaran Selayang.

Sebarang maklum balas atau cadangan boleh dihantar kepada

JABATAN PERHUBUNGAN AWAM & PERANCANGAN KORPORAT

Majlis Perbandaran Selayang

Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang

68100 Batu Caves,

Selangor Darul Ehsan

Tel: +603 - 6126 5800

Fax: +603 - 6138 8933


www.mps.gov.my

Illustrasi oleh Josiah Hanchett

<http://www.flickr.com/photos/josiahdhan9>

KANDUNGAN

Perutusan Yang Dipertua	06
Objektif, Misi & Visi MPS	07
Piagam Pelanggan & Bunga Rasmi MPS	08
Rasional Logo & Keterangan Logo	09
Lagu Rasmi MPS	09
Kawasan Pentadbiran & Jumlah Penduduk	10
Selayang Pandang	11
Jawatankuasa Penduduk (JKP)	12
Maklumat Asas	
Pegangan Harta & Pasar	13
Kemudahan Riadah, Sukan & Komuniti	14
Institusi Pendidikan & Pusat ICT	15
Anugerah Yang Diterima / Pertandingan Yang Disertai	16
Carta Organisasi	17
Ahli Majlis MPS	18
Pengurusan MPS	19
Pendapatan MPS	20
Perbelanjaan	21
Penyata Pendapatan & Perbelanjaan 2011	22
Penyata Aliran Tunai 2011	23
Sijil Ketua Audit Negara	24
Laporan Jabatan	25
Program Mesra Rakyat	39
Lokasi Perlancongan	40
Aktiviti Tahunan MPS 2011	47





PERUTUSAN YANG DIPERTUA

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah dan kurniaNya maka Laporan Tahunan untuk tahun 2011 dapat diterbitkan. Sesungguhnya proses penyiapan sebuah buku yang memaparkan gerak kerja sepanjang tahun di sesebuah Pihak Berkuasa Tempatan seperti Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bukanlah mudah.

Tanpa ketekunan, ketelitian dan kerjasama daripada semua pihak adalah mustahil sebuah buku yang berkualiti dapat dihasilkan. Diharap laporan ini mampu mencerminkan ketelusan pihak Majlis dalam semua aspek dan perkara yang berkaitan pentadbiran dan perkhidmatan yang disediakan.

Pihak Majlis akan terus memberikan fokus dan penekanan kepada enam dasar iaitu berusaha menjadikan MPS sebagai salah satu Majlis Perbandaran yang bertaraf lima bintang, penjenamaan semula sumber manusia, ICT sebagai teras utama perkhidmatan penyampaian, urustadbir yang cemerlang, menangani aduan dengan efisyen dan berkesan serta melaksanakan penjimatan di dalam pengurusan kewangan.

Walaupun menjaga keselamatan bukanlah peranan utama Pihak Berkuasa Tempatan, tetapi pihak Majlis akan membantu dan bekerjasama dengan meningkatkan keselamatan di kawasan pentadbiran MPS. Antaranya ialah dengan menekankan 23 langkah-langkah pencegahan jenayah di bawah program dengan menekankan kepentingan rukun tetangga di kawasan perumahan masing-masing. Aktiviti-aktiviti seperti kempen dan pameran keselamatan dibuat bagi menimbulkan kesedaran kepada para penduduk. Pada tahun 2011 juga MPS telah meningkatkan lagi kebersihan di dalam kawasan pentadbirannya dengan mengamalkan konsep "SELAMAT BERSIH".

Laporan Tahunan ini dilihat mampu mewujudkan sebuah PBT yang telus dan mesra pelanggan. Penerbitan ini juga menjadi satu dokumen rasmi MPS yang boleh dijadikan panduan dan rujukan oleh warganya kerana mengandungi pelbagai bentuk informasi tahun 2011. Saya yakin dan percaya dengan terbitnya Laporan Tahunan ini akan menyemarakkan lagi usaha warga MPS, Ahli Majlis dan Syarikat penyedia utiliti dalam memberi khidmat kepada masyarakat.


Akhir kata, saya berharap agar laporan Tahunan 2011 ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak dan sekali gus mampu untuk merealisasikan wacana pembangunan di MPS dalam arus globalisasi yang semakin mencabar.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau dalam menjayakan penerbitan Laporan Tahunan MPS 2011.

Sekian, terima kasih.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Dato' Zainal Abidin".

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AALA
Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang



VISI MPS

Menjadikan Selayang kawasan perbandaran yang mampan, progresif dan sejahtera menjelang 2015

MISI MPS

Menyediakan perkhidmatan perbandaran bersepadu kepada warga Selayang bagi meningkatkan kualiti hidup melalui sistem penyampaian yang cekap, efektif dan proaktif.

OBJEKTIF MPS

- Memberi dan meningkatkan perkhidmatan bandaran
- Menyedia dan menyelenggara kemudahan infrastruktur
- Menyusun dan mengawasi pembangunan melalui kawasan pembangunan yang teratur serta terancang
- Menyedia dan menyelenggara kemudahan taman dan rekreasi
- Mewujudkan suasana kecantikan kawasan selaras dengan objektif untuk menjadikan kawasan majlis sebagai "Kawasan taman dalam bandar"
- Mengeratkan perpaduan diantara rakyat di samping mewujudkan masyarakat yang bertanggungjawab dan berdisiplin.
- Memainkan peranan di dalam usaha kerajaan negeri untuk menarik aspek perindustrian perancangan perumahan kos rendah dan program-program menggiatkan pelancongan

PIAGAM PELANGGAN

- Memberi perkhidmatan yang cekap dan sempurna bagi pengurusan perkhidmatan, kemudahan awam dan mengekalkan suasana harmoni, mesra kepada warga MPS.
- Mewujudkan sistem pengurusan kewangan dan perakaunan yang sistematik berdasarkan prinsip-prinsip yang ditetapkan.
- Meningkatkan taraf kesihatan, kebersihan dan kestabilan alam sekitar ditahap yang terbaik melalui pemantauan yang berkesan.
- Membuat penilaian ke atas pegangan yang dikenakan cukai taksiran dan menguruskan harta sewaan secara adil.
- Memproses permohonan pelan pembangunan dengan cekap dan efisyen supaya pembangunan tanah mencapai imbalan yang baik antara pembangunan fizikal, sosial, ekonomi dan alam sekitar.
- Memastikan projek pembangunan dan penyelenggaraan infrastruktur dilaksana secara cekap dengan mengekalkan ciri-ciri alam semulajadi.

BUNGA RASMI



Bunga Siantan
Nama Botani: Ixora

RASIONAL LOGO

Secara umumnya, logo MPS melambangkan kemajuan dan kepesatan pembangunan, tanggungjawab sebagai Pengguna Tempatan akan dilaksanakan dengan terbaik selaras dengan Slogannya " Maju, Progresif, Sejahtera".

KETERANGAN LOGO MPS



Melambangkan MPS di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan



Melambangkan kejituan dan keteguhan semangat untuk membangunkan MPS selaras dengan wawasan dan matlamat organisasi sebagai Pihak Berkuasa Tempatan.



Melambangkan perkembangan pembangunan perumahan, perindustrian dan pengekalan alam sekitar yang seimbang dan terancang.



Melambangkan MPS sebagai pusat perkembangan penyelidikan dan pembangunan dengan wujudnya Bandar Ilmu.

LAGU RASMI MPS

SELAYANGKU SAYANG

Perbandaran Selayang Indah Sejahtera
Penduduknya Berbilang Bangsa
Demi Kesejahteraan Semua
Seiring Wawasan Negara.

Bangunan MPS Tersergam Megah
Pembangunannya Tersusun Indah
Tiada Dilupa Tempat Riadah
Selayangku Semuanya Mudah.

Korus I:
Bertuah Sungguh Bandar Selayang
Penduduknya Yang Penyayang

Bersama MPS Kita Jayakan
Menuju Wawasan Negara.

Maju Progresif Dan Sejahtera
Seiring Selayangku Sayang
Memangkin Pembangunan Negara
Membentuk Hidup Lebih Selesa.

MPS Menjamin Masa Depan
Dengan Pembangunan Yang Mampan
Majulah MPS Ke Hadapan
Menyahut Seruan Kerajaan.

(Ulang Korus I)

KAWASAN PENTADBIRAN MPS

545.60


km persegi Keluasan kawasan MPS



JUMLAH PENDUDUK

560,630

Jumlah Penduduk Selayang yang direkodkan setakat tahun 2010




■ Mukim Rawang

■ Mukim Batu

■ Sebagian Mukim Setapak

Nota: Perangkaan Bancian Penduduk 2010



Taman Rimba Templer

SELAYANG PANDANG

Selayang terletak di daerah Gombak yang merupakan pintu masuk ke negeri Selangor di sebelah timur laut. Ia terletak bersempadan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan Daerah Kuala Selangor (MDKS) di sebelah barat, Majlis Daerah Hulu Selangor (MDHS) di sebelah utara dan daerah Petaling di sebelah barat daya.

Keseluruhan Kawasan pentadbiran Majlis Perbandaran Selayang ialah 545.60 kilometer persegi yang meliputi tiga mukim Rawang (263 kilometer persegi), Mukim Batu (154 kilometer persegi) dan Mukim Setapak (128 kilometer persegi).

Penduduknya berjumlah 560,630 orang dengan Mukim Batu mencatatkan peratusan tertinggi sebanyak 60.9 peratus (285,288 orang), Mukim Rawang 29.5 peratus (199,095 orang), dan sebahagian Mukim Setapak sebanyak 9.6 peratus (76,247 orang). Aktiviti ekonomi di kawasan Majlis adalah sektor perindustrian, perusahaan dan pertanian.

Sebanyak 33 peratus kawasan MPS merupakan kawasan hutan simpan dan rekreasi dan di sini terletaknya Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Empangan Batu dan taman-taman rekreasi rimba, Kawasan tадahan hujan dan kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS).

Kawasan pentadbiran Majlis mempunyai tarikan yang tersendiri dengan adanya destinasi percutian alam semula jadi yang menarik seperti Gua Batu Caves, Hutan Lipur Kanching, Taman Rimba Komanwel dan Hutan Lipur Ulu Yam.

jadi yang menarik seperti Gua Batu Caves, Hutan Lipur Kanching, Taman Rimba Komanwel dan Hutan Lipur Ulu Yam.

Terdapat 9 buah bandar utama dalam pentadbiran MPS iaitu Bandar Baru Selayang, Bandar Baru Rawang, Batu Arang, Taman Seri Gombak, Bandar Tasik Puteri, Bandar Baru Kundang, Batu Caves dan Bandar Country Homes. Pertumbuhan bandar-bandar baru ini dilihat sebagai satu perkembangan yang positif kepada MPS. Usaha pembangunan akan terus dilaksanakan oleh MPS tanpa menjaskan kualiti alam sekitar.

Kawasan pentadbiran Majlis mempunyai tarikan yang tersendiri dengan adanya destinasi percutian alam semula jadi yang menarik seperti Gua Batu Caves, Hutan Lipur Kanching, Taman Rimba Komanwel dan Hutan Lipur Ulu Yam.

JAWATANKUASA PENDUDUK (JKP)

ZON 1

Tuan Husnal Az' Hari bin Sanusi

ZON 2

Tuan Lee Sew Hong

ZON 3

Tuan Zaidy bin Abdul Talib

ZON 4

Tuan Murugan @ Murugheshu a/l Arumugam

ZON 5

Tuan Tan Pok Shyong

ZON 6

Tuan Roslin bin Mohd Rosli

ZON 7

Puan Maznah binti Abd. Aziz

ZON 8

Tuan Lim Ching How

ZON 9

Tuan A. Rahim bin Ahmad Kasdi

ZON 10

YAD Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh

ZON 11

Puan Hjh. Khatifah Zamani
binti Sulong

ZON 12

Tuan Zulkifli bin Hamzah

ZON 13

Tuan Hasbullah bin Mohd. Ridzwan

ZON 14

Tuan Mohamad Azizul bin Abu Bakar

ZON 15

Tuan N. Gopalan Krishnan a/l Rajoo

ZON 16

YM. Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji

ZON 17

Tuan Gunarajah a/l R.George

ZON 18

Tuan Tan Hui Chuan

ZON 19

Tuan Md. Sabri bin Md. Taib

ZON 20

Tuan Abdul Rahim bin Abdul Wahab

ZON 21

Tuan Zulnizam bin Shahrani

ZON 22


Tuan Low Hock Kheng

ZON 23

Tuan Lee Khai Loon

ZON 24

Tuan Abdul Majid bin Hasan



MAKLUMAT ASAS



Pegangan Harta dan Pasar

MPS akan memainkan peranan dalam memastikan pembangunan infrastruktur dan kemudahan awam mampu meningkatkan kualiti dan taraf hidup penduduk, sesuai dengan perkembangan pesat yang dialami.

PASAR

Tujuan Majlis menyediakan tapak-tapak pasar ini adalah untuk meningkatkan aktiviti ekonomi dan perniagaan masyarakat setempat.

Majlis turut menyediakan beberapa buah pasar moden iaitu Pasar Moden Taman Sri Gombak, Bandar Country Homes, Pekan Rawang, Batu Arang, Pusat Penjaja Taman Ehsan Kepong dan Pasar Selayang Baru.



- Perusahaan
- Perniagaan
- Rumah Kediaman
- Harta-harta Khas

Stadium MPS

MAKLUMAT ASAS

Kemudahan Riadah, Sukan dan Komuniti

4

JENIS
KEMUDAHAN
KESIHATAN

5

JENIS KEMUDAHAN
RIADAH & SUKAN

5

JENIS
KEMUDAHAN
KOMUNITI

Majlis Perbandaran Selayang komited dalam menyediakan kemudahan komuniti bagi kegunaan masyarakat setempat. Kemudahan yang disediakan terletak di lokasi strategik yang menjadi tumpuan dan mudah diakses.

KEMUDAHAN RIADAH DAN SUKAN

- Padang Permainan Kanak-Kanak 179
- Padang Bola 17
- Taman Bunga Dan Tasik 3
- Kompleks Sukan 2

Stadium Selayang dan Kompleks Sri Siantan merupakan kemudahan sukan moden yang terdapat di kawasan Majlis.



KEMUDAHAN KOMUNITI

- Balai Raya 16
- Dewan Serbaguna 12
- Balai Polis 5
- Balai Bomba 2
- Perpustakaan Awam 1

Kemudahan Komuniti bertujuan memudahkan masyarakat mengadakan pelbagai aktiviti sosial dan memperkasakan semangat muhibah dikalangan masyarakat.



KEMUDAHAN KESIHATAN

- Hospital 2
- Klinik Kesihatan 10

Hospital Selayang dan Hospital Sungai Buloh merupakan hospital utama yang memberikan perkhidmatan kesihatan terbaik kepada penduduk.



MAKLUMAT ASAS

Institusi Pendidikan dan Pusat ICT

INSTITUSI PENDIDIKAN


Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) merupakan institusi pengajian tinggi yang terkemuka dan menjadi tumpuan pelajar dari dalam dan luar negara.

Pada tahun ini juga, Majlis dalam rangka untuk mengenal pasti sekolah-sekolah sedia ada yang berpotensi untuk diterapkan sistem pendidikan berteknologi tinggi seperti "Sekolah Bestari".

PUSAT ICT

Majlis sentiasa mengemaskini sistem teknologi maklumat untuk memenuhi kepuasan pelanggan dalam menerima maklumat dari MPS. Majlis berjaya membangunkan beberapa modul melalui Sistem Integrasi Majlis (SIM).

Majlis telah menyediakan kemudahan Pusat ICT untuk penduduknya iaitu Pusat Siber Rakyat yang terletak di Stadium Majlis Perbandaran Selayang.



*Jumlah Bilangan



Universiti Islam Antarabangsa


ANUGERAH YANG DITERIMA / PERTANDINGAN YANG DISERTAI

Majlis Perbandaran Selayang Tahun 2011

BIL	ANUGERAH	TARIKH DITERIMA	PENCAPAIAN
1	Penganugerahan Sijil Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Tahun 2011	2011	Sijil Penghargaan
2	Penganugerahan Sijil MS ISO 9001:2008	07/06/2011	Sijil MS ISO 9001:2008 – Audit Pemantauan
3	Kejohanan Jelajah Futsal Gen Selangor	23/04/2011	Johan
4	Majlis Perarakan Maulidur Rasul Peringkat Daerah Gombak Tahun 2011M/1433H	2011	Johan Sepanduk Dan Tempat Ke 4 Perbarisan
5	Grand Final Kejohanan Jelajah Futsal Gen Selangor	25/06/2011	Johan
6	Zon Bersih PBT, Selangor	6/7/2011	Naib Johan Bagi Kategori Dokumentasi
7	Penyertaan KIK Peringkat Wilayah Tengah Anjuran MPC bagi Tahun 2011	2011	Pingat Perak
8	Penyertaan KIK Peringkat SUK Selangor Bagi Tahun 2011	15-18/7/2011	Sijil & Saguhati
9	Anugerah Program Komuniti 2011 Negeri Selangor – PeBT Zon 9	23/07/2011	Terbaik
10	Anugerah Pameran PeBT Negeri Selangor 2011	23/07/2011	Terbaik
11	Anugerah PeBT Negeri Selongor 2011 – PeBT Zon 14	23/7/2011	Terbaik
12	Penganugerahan Sijil Ketua Audit Negara	25/8/2011	Sijil Bersih
13	Anugerah Prestasi Cemerlang Laman Web / Portal Projek Managed Portal Services (MPS)	2011	5 Bintang
14	Anugerah Pentadbiran Pejabat Cemerlang (APPC) Peringkat SUK Selangor Tahun 2011	2011	Sijil Penghargaan Dan Cek Bernilai RM10,000.00
15	Anugerah Sistem Star Rating PBT	2011	4 Bintang

CARTA ORGANISASI

SESI 2011



AHLI MAJLIS MPS

SESI 2011



Barisan hadapan dari kiri : Tn. Low Hock Kheng, Tn. Md. Sabri bin Md. Taib, Tn. Murugeshu @Murugeshu a/l Arumugam, Tn. A. Rahim b.Ahmad Kasdi, YAD. Dato'Paduka Raja Dato' Hj. Wan Mahmood bin Pa'Wan Teh, YBhg. Dato' Zainal Abidin bin Aala (Yang Dipertua), Tn.Hj.Mohd Jaid bin Hj. Ehsan(Timbalan Yang Dipertua). Tn.N. Gopalan Krishnan a/l Rajoo, Tn. Abdul Majid bin Hasan, Pn. Maznah bt Abd. Aziz.

Barisan belakang dari kiri : Tn. Zulnizam bin Shahran, Tn. Lee Sew Hong , Tn. Mohamad Azizul bin Abu Bakar, Tn. Lee Khai Loon, Tn. Gunarajah a/l R. George, Tn. Husnul 'Az' Hari bin Sanusi, Tn. Zaidy bin Abdul Talib, Tn.Hasbullah bin. Mohd Ridzwan, YM Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji.

Tiada dalam gambar : Tn. Abdul Rahim bin Abdul Wahab,Tn. Zulkifli bin Hamzah, Tn. Lim Ching How, Pn. Khatifah Zamani bt Sulong, Tn.Tan Hui Chuan,Tn. Roslin bin Mohd. Rostli,Tn. Tan Pok Shyong.

PENGURUSAN MIPS

SESI 2011



Barisan hadapan dari kiri : Norshima bt Norzlan, Dr. Razif bin Zainol Abidin, Hj Awang Mustapha bin Md.Yunus, Hj. Mohd Jaid bin Hj.Ehsan (Timbalan Yang Dipertua), Dato' Zainal Abidin bin Aala (Yang Dipertua), Hj.Az'har bin Samsuri, Abdul Razak bin Ahmad, Othman bin Idris, Zulaina bt Abu Talib

Barisan belakang dari kiri : Norhayati bt Ahmad, Mohamad Zin bin Masoad, Hafizan bin Khamis, Affendei bin Samingan, Lar. Mokhtar Affandi bin Abd.Ghani, Azmi bin Ismail, Hj. Muhammad Joraimee bin Awang Raimee, Aminuddin bin Hussein, Hj. Che Rasid bin Che Seman, Hj. Azam bin Mohamad, Mazurah bt Mohamed.


Tiada dalam gambar : Hairudin bin Daud

PENDAPATAN MPS

Tahun Kewangan Berakhir 2011

RM133,306,095
HASIL PENDAPATAN

RM5,300,394
PENINGKATAN



- Hasil Cukai
- Hasil Bukan Cukai
- Terimaan Bukan Cukai
- Pelbagai Hasil

BIL	JENIS PENDAPATAN	JUMLAH
1	Hasil Cukai	88,050,050
2	Hasil Bukan Cukai	29,680,829
3	Terimaan Bukan Hasil	10,481,048
4	Pelbagai Hasil	5,094,168
	JUMLAH	133,306,095

Pendapatan MPS dijana melalui empat sumber utama iaitu hasil cukai, hasil bukan cukai, terimaan bukan hasil dan hasil pelbagai. Selari dengan objektif MPS ke arah menjadi agen pemangkin ekonomi dan sosial, kredibiliti MPS terus terserlah melalui jumlah pendapatan yang diperolehi.

Sumbangan tertinggi pendapatan MPS adalah kutipan hasil cukai dan hasil bukan cukai. Jumlah pendapatan ini telah meningkat sebanyak RM5,300,394 berbanding pendapatan tahun 2010. Prestasi pendapatan MPS bagi lima tahun didapati meningkat pada setiap tahun.

Peningkatan pendapatan ini disebabkan beberapa faktor iaitu peningkatan hasil kutipan cukai taksiran sebanyak RM3,479,529 juta, penguatkuasaan kutipan lesen dan operasi kemasukan dan perlaksanaan penguatkuasaan undang-undang ke atas gerai-gerai haram. Faktor penguatkuasaan dan operasi yang dijalankan oleh MPS telah menunjukkan peningkatan sumber pendapatan MPS dalam tempoh lima tahun.



PERBELANJAAN MPS


Tahun Kewangan Berakhir 2011

RM125,304,365

PERBELANJAAN

RM 2,100.808

JUMLAH PENGURANGAN



- Emolumen
- Perkhidmatan & bekalan
- Harta Modal
- Pemberian & Kenaan Tetap
- Pelbagai Perbelanjaan



Sebanyak RM125,304,365 juta dibelanjakan untuk perkhidmatan dan bekalan. Perbelanjaan ini merangkumi penyelenggaraan, baik pulih infrastruktur dan kemudahan, kerja-kerja pembekalan elektrik serta pengurusan dan pembersihan sisa sampah.

Sebanyak RM84.04 juta dibelanjakan untuk perkhidmatan dan bekalan dalam tahun 2011 berbanding RM83.7 juta dalam tahun 2010. Perbelanjaan ini merangkumi penyelenggaraan, baik pulih, infrastruktur, dan kemudahan, penyelenggaraan elektrik dan perkhidmatan dan pembersihan sampah. Perbelanjaan ini merupakan komitmen Majlis dan perbelanjaan mengurus adalah tinggi pada setiap tahun iaitu sebanyak 67% (2011) berbanding 65% (2010) daripada perbelanjaan keseluruhan.

BIL	JENIS PENDAPATAN	JUMLAH
1	Emolumen	31,082,853
2	Perkhidmatan & bekalan	84,048,279
3	Harta Modal	1,961,351
4	Pemberian & Kenaan Tetap	874,038
5	Pelbagai Perbelanjaan	7,337,844
Jumlah		125,304,365

**PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN
BAGI TAHUN 31 HB. DISEMBER 2011**

	Nota	Muka Surat	2011 RM	2010 RM
PENDAPATAN				
Cukai Taksiran	15	15	88,050,050	84,570,521
Perkhidmatan Lain	16	15	803,265	722,666
Bayaran Letak Kereta	17	15	2,128,463	1,318,518
Lesen Perniagaan	18	15	9,684,642	8,206,889
Bayaran Pelan	19	16	3,791,914	3,433,462
Faedah	20	16	820,593	499,177
Denda, Kompaun dan Waran	21	16	7,370,239	7,068,907
Pelbagai Penerimaan	22	16	753,904	616,906
Sewaan	23	16	4,327,809	4,599,764
Bantuan daripada Kerajaan Persekutuan	24	17	10,481,048	12,500,000
Kredit Tertunda - Geran Pelancaran	24	17	3,028,977	3,024,090
Keuntungan Projek Penswastaan	24	17	1,074,400	1,200,000
Lain-lain Hasil	24	17	990,791	244,801
			133,306,095	128,005,701
Tolak :				
PERBELANJAAN				
Gaji dan Upah	25	18	15,707,065	14,441,960
Elaun Tetap	26	18	7,568,510	7,259,702
Tambah Kos Kakitangan	27	18	5,682,927	5,940,429
Elaun Lebih Masa	28	18	2,122,533	1,550,243
Yuran Ikhtisas dan Elaun Memandu	28	18	1,818	1,421
Tuntutan Perjalanan	29	18	180,467	205,901
Perhubungan	30	18	525,467	634,961
Utiliti	31	18	4,339,948	3,076,726
Sewaan Perkakasan dan Perkhidmatan	32	18	698,861	672,256
Perkhidmatan Percetakan	33	18	1,340,295	944,790
Pengiklanan	34	18	61,774	54,753
Bekalan dan Bahan-bahan	35	19	2,012,492	2,719,956
Penyelenggaraan dan Pembaikan	36	19	16,927,242	18,454,557
Kontrak Angkat Sampah	37	19	49,801,989	49,039,697
Perbelanjaan Khas/ Kemudahan	38	20	1,961,351	2,110,565
Pelbagai Perbelanjaan	39	20	8,159,744	7,929,173
Pampasan Setinggan	40	20	52,740	40,500
Pembentukan Pinjaman	41	20	821,298	1,866,044
Hutang Lapuk	42	20	2,432	2,735,355
Susut Nilai	43	20	7,335,412	7,726,184
			125,304,365	127,405,173
(KEKURANGAN) / LEBIHAN PENDAPATAN DARI PERBELANJAAN				
			8,001,730	600,528

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AALA
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

MOHAMAD ZAIN BIN AHAMID
Setiausaha
Majlis Perbandaran Selayang

MAJLIS PERBANDARAN Selayang
PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN 31 HB. DISEMBER 2011

	2011 RM	2010 RM
(KEKURANGAN) / LEBIHAN BAGI TAHUN	8,001, 730	600,528
Campur :		
Belanja Susut Nilai	6,984,420	7,623,507
Hutang Ragu	-	2,735,355
Kredit Tertunda	(3,058,977)	(3,024,091)
Pelarasan ke atas Kumpulan Wang Tahun 2010	196,823	106,839
	12,123,996	8,042,138
PELARASAN PERBEZAAN ANTARA ALIRAN PENDAPATAN DAN ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
(Pengurangan)/Penambahan Sipiutang	(4,476,878)	(10,117,798)
(Pengurangan)/Penambahan Cagaran	5,729,005	4,232,118
(Pengurangan)/Penambahan Bayaran Audit	3,000	192
(Pengurangan)/(Penambahan) Siber hutang	(7,175)	98,114
(Pengurangan)/(Penambahan) Tuggakan Cukai Taksiran	(3,239,189)	(1,122,298)
Tunai Bersih Daripada/(Digunakan Dalam) Aktiviti Operasi	(1,991,237)	(6,909,672)
ALIRAN MASUK TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembayaran Belian Hartanah, Loji & Peralatan	(2,935,716)	(375,538)
Pembayaran Kerja Dalam Proses	396,00	(96,000)
Tunai Bersih Yang Digunakan Dalam Pelaburan	(2,539,716)	(471,538)
ALIRAN MASUK TUNAI BERSIH DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN DAN LAIN-LAIN		
Pinjaman Jangka Panjang	-	(5,321,059)
Pinjaman Kerajaan Negeri	(1,875,442)	895,920
Faedah Jangka Panjang	-	2,300,389
Akaun Pengurusan Kompleks Sri Siantan	144,952	-
Kumpulan Wang Projek Kerajaan Persekutuan	4,614,848	-
Kumpulan Wang Projek Kerajaan Negeri	(2,314,444)	2,471,304
Geran Kredit Tertunda	30,000	-
Tunai Bersih Yang Diperolehi Daripada Pembiayaan	599,914	346,554
LEBIHAN/(KEKURANGAN)/BERSIH DALAM TUNAI DAN TUNAI SETARA		
Tunai dan Tunai Setara Awal Tempoh Masa	8,192,957	1,007,482
Tunai dan Tunai Setara di Akhir Tempoh Masa	28,557,472	27,549,990
	36,750,429	28,557,472
ANALISA TUNAI DAN TUNAI SETARA DI AKHIR TEMPOH		
Baki Bank & Wang Tunai	13,550,429	14,698,139
Wang Simpanan Tetap	23,200,000	13,859,333
Wang Tunai dan Dana Jangka Pendek	36,750,429	28,557,472

DATO' ZAINAL ABIDIN BIN AALA
Yang Dipertua
Majlis Perbandaran Selayang

MOHAMAD ZAIN BIN AHMID
Setiausaha
Majlis Perbandaran Selayang



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Selayang bagi tahun berakhir 31 Disember 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada Penyata Kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam Penyata Kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan Penyata Kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Selayang pada 31 Disember 2011 serta hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Ang Nai Har".

(ANG NAI HAR)

b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

SHAH ALAM

2 OGOS 2012





LAPORAN JABATAN MPS

Jabatan Perancang Bandar

Majlis komited menyediakan sistem perbandaran berkualiti tinggi. Perkhidmatan Perancangan Bandar bertujuan memantapkan dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan yang disediakan. Majlis berhasrat menjadikan Perbandaran Selayang sebagai pusat perdagangan, perindustrian dan kediaman yang selesa dan mampan hasil pembangunan secara bersepadu dan terancang.


BIL	JENIS PERMOHONAN	JUMLAH
1	Penerimaan Permohonan Kebenaran Merancang	154
2	Kelulusan Kebenaran Merancang	95
3	Pelan Pra-Hitungan	47
4	Tanah Kerajaan (TOL)	111
5	Tanah Kerajaan (Pemberimilikan)	218
6	Tukar Syarat Tanah (PTG)	284
7	Tukar Syarat Tanah (KM)	75
8	Cantuman Lot (PTG)	85
9	Pecah Bahagian	10
10	Serah Balik Tanah (KM)	9

Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

Cukai taksiran dikenakan ke atas pegangan berkadar seperti rumah kediaman, bangunan perniagaan dan perusahaan, tanah atau lot kosong yang terletak di kawasan Majlis. Cukai taksiran ini dikira berdasarkan anggaran sewa tahunan berpandukan keluasan dan jenis pegangan tersebut.

Pegangan Harta Majlis Tahun 2011

BIL	PEGANGAN	JUMLAH
1	Kediaman	160,483
2	Perniagaan	13,253
3	Perusahaan	5,573
4	Harta Khas	111
	JUMLAH	179,420



Jabatan Kesihatan

Bagi memastikan tahap kesihatan warga MPS sentiasa berada ditahap yang baik, kerjasama yang erat sentiasa dipupuk antara Pejabat Kesihatan Daerah dan Jabatan Haiwan Daerah. Tugasan pemeriksaan dan pemantauan kesihatan dilaksanakan di kawasan kediaman dan premis perniagaan.

Kawalan Vektor dan Kes Penyakit Demam Denggi

BIL	PERKARA	2011
1	Demam Denggi	1465

Aktiviti Kawalan Kebersihan Premis Makanan

BIL	PERKARA	2011
1	Premis Diperiksa	2700
2	Kompaun Kesalahan Dikeluarkan	273
3	Premis Tidak Sanitari Ditutup	10

Aktiviti Kawalan Haiwan Liar

BIL	PERKARA	2011
1	Tangkapan Anjing	1886
2	Lesen Anjing Dikeluarkan	927
3	Kompaun Anjing Dikeluarkan	43

Aktiviti Program Perubatan

BIL	PERKARA	2011
1	Suntikan Ty2 Diberi	936
2	Saringan Kesihatan	23

Jabatan Penguatkuasaan & Keselamatan

1. PERKHIDMATAN

- Menguatkuasakan undang-undang yang digunakan oleh Majlis.
- Menjalankan tindakan penguatkuasaan serta-merta bagi kesalahan-kesalahan yang dilakukan semasa menjalankan tugasannya harian.
- Memastikan dengan mendidik dan menasihati orang awam agar dapat mengikut segala peruntukan yang telah ditetapkan oleh Majlis Perbandaran Selayang.

- Menjaga Aset & Harta Majlis

2. NOTIS PEMBERITAHUAN KESALAHAN (NPK)

- 13,721 NPK telah dikeluarkan ke atas kesalahan.

3. NOTIS PEMBERITAHUAN KESALAHAN (Unit Parkir)

- 74,134 NPK telah dikeluarkan ke atas kesalahan parkir.

4. OPERASI BERSEPADU

- 253 operasi bersepadu telah dilaksanakan seperti operasi:

- Operasi Bersepadu
- Halangan Kaki Lima Premis
- Banner/Iklan Tanpa Izin
- Sampah Tanpa Izin
- Pusat Siber
- Pasar Juadah
- Tunda Kereta Buruk
- Penjaja Tanpa Lesen
- Pusat Hiburan
- Pusat Kecantikan/Kesihatan
- Pasar Borong

5. LAIN-LAIN PERKHIDMATAN

- Program Kempen Derma Darah Anjuran Jabatan Penguatkuasa
- Majlis Dialog Bersama Penduduk, JKP
- Kawalan Perayaan Thaipusam
- Lawatan Turun Padang Bersama EXCO, Ahli Majlis, JKP, YDP, Jabatan Dalaman MPS
- Lain-lain tugas yang diarahkan pegawai atasan dari semasa ke semasa
- Tugasan Kawalan & Pemantauan- Kawalan Lalulintas & Trafik- Kawalan Sampah Tanpa Izin
- Kawalan Pasar Borong Selayang
- Bantuan Anggota Untuk Aktiviti Kemasyarakatan

- Bantuan Kawalan Aktiviti Sekolah
- Bantuan Tugas Ahli Majlis, JKP, Jabatan Dalaman MPS
- Bantuan Agensi Kerajaan – Polis, RELA, AADK, SPRM, Imegresen
- Kawalan Bola Sepak di Stadium MPS
- Kawalan Perayaan Thaipusam, Tahun Baru Cina, Hari Raya

6. Program Gotong-Royong

- Jabatan Penguatkuasa , Ahli Majlis, EXCO, JKP
- Dalamans-MPS-Program Gotong-Royong Zon Bersih
- Perbarisan & Kawad / Sukan Penguatkuasa
- Latihan Menembak Jabatan Penguatkuasa
- Lain-lain tugas yang diarahkan pegawai atasan dari semasa ke semasa

Jabatan Audit Dalam

Bahagian Audit Dalam Majlis Perbandaran Selayang telah diwujudkan pada tahun 2003 selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bil. Tahun 2004. Bahagian Audit Dalam sentiasa berusaha mempertingkatkan peranannya dalam membantu Majlis memantapkan lagi pengurusan kewangan dan pengurusan pentadbiran untuk memastikan wujudnya akauntabiliti awam.

Laporan Tahunan Bahagian Audit Dalam Bagi Tahun 2011

BIL	PERKARA	KUANTITI SASARAN	PENCAPAIAN	%	IMPAK
1	Pengauditan Pengurusan	4 Laporan	4 Laporan	100%	Pengurusan mempunyai struktur, kuasa,sistem dan prosedur bagi mencapai matlamat pengurusan yang berkesan.
2	Pengauditan Kewangan	4 Laporan	4 Laporan	100%	Mempertingkatkan Kebolehpercayaan dan keberkesanan sistem kewangan serta kawalan dalam jabatan.
3	Pengauditan Prestasi	1 Laporan	1 Laporan	100%	Penilaian terhadap aktiviti majlis untuk menentukan matlamatnya telah dicapai dan sumber digunakan secara berhemah, cekap dan berkesan
4	Pengauditan Penyata Kewangan	1 Laporan	1 Laporan	100%	Maklumat mengenai kedudukan kewangan,prestasi dan aliran tunai dipantau lebih efektif.
5	Pengauditan Khas	1 Laporan	1 Laporan	100%	Aspek prestasi pengurusan kewangan majlis dinilai bagi memastikan pematuhan prosedur dan undang-undang yang ditetapkan.
6	Pemeriksaan Mengejut (AP 308 & 309)	2 Laporan	2 Laporan	100%	Segala prosedur kutipan mematuhi pekeliling dan peraturan yang telah ditetapkan serta diakaunkan dan disimpan dengan selamat.

Jabatan Bangunan

Jabatan ini bertanggungjawab memastikan semua projek yang dirancang oleh Majlis dapat dilaksanakan dengan peruntukan yang diluluskan pada masa yang ditetapkan. Selain itu, turut menetapkan pembangunan infrastruktur dalam kawasan Majlis dapat berjalan dengan baik dan lancar mengikut perancangan supaya pembangunan kawasan Daerah Gombak akan terus maju. Jabatan ini juga bertanggungjawab untuk menyediakan dan menyelenggara kemudahan awam yang tidak disediakan oleh pihak swasta kepada orang awam serta turut melaksana projek-projek Majlis. Pihak Jabatan juga bertindak membuat kawalan kerja-kerja tanah, jalan perparitan dan lampau jalan. Membuat pemeriksaan kawasan-kawasan perumahan bagi tujuan mengambil alihan kawasan untuk penyelenggaraan infrastruktur selain membangun memproses permit-permit iklan dan kerja-kerja atas jalan.

Bangunan (Bahagian Pentadbiran)

- Menguruskan kerja-kerja harian pentadbiran bahagian dan membantu menyelia dan memberi penjelasan keterangan pejabatan.
- Menyediakan laporan kelulusan peringkat jabatan kepada Yang Dipertua.
- Menguruskan pembukaan fail-fail permohonan yang baru mengikut cadangan-cadangan yang dikemukakan.
- Menguruskan pembukaan dan mengemaskini doket-doket fail berkenaan mengikut susunan nombor dan abjad.
- Mengendalikan urusan surat-surat yang diterima dan dikandungkan ke dalam fail-fail yang berkaitan.
- Menguruskan pengedaran fail-fail ke dalam stor mengikut susunan.




(Bahagian Kawalan Bangunan)

1. Memproses Permohonan Pelan Bangunan

Bahagian Kawalan Bangunan Jabatan Bangunan menerima dan memproses permohonan pelan bangunan melalui:

- Kaunter Jabatan Bangunan
- Unit Pusat Setempat (OSC)

Permohonan akan dipertimbangkan untuk Kelulusan sekiranya permohonan lengkap diterima dan mematuhi garis panduan yang telah ditetapkan. Dibawah disenaraikan pencapaian bagi tahun 2011.



■ **Permohonan Pelan Bangunan melalui Unit OSC** (Kategori Perumahan Kilang, Tambahan Kilang, Rumah Kedai, Tambahan Rumah Kedai dan pelbagai (187 kuantiti)


■ **Permohonan Pelan Bangunan dan Permit Sementara melalui Kaunter Jabatan Bangunan** (Kategori : Rumah sesebuah, Tambahan Rumah Kediaman, Buku Panduan dan Permit sementara) (1792 kuantiti)

2. Memproses Permohonan Buku Panduan (Kelulusan 24 Jam).

Permohonan buku panduan merupakan permit bagi kerja-kerja kecil tambahan dan ubahsuaian bangunan. Permohonan buku panduan telah dijadikan satu inovasi di bawah 'Business Process Reengineering (BPR)'mewakili MPS dan telah dilaksanakan dan berkuatkuasa pada Januari 2010. Untuk tahun 2011, sebanyak 466 buku panduan telah diluluskan

3. Memproses Permohonan Sijil Kelayakan Menduduki

Permohonan Sijil Kelayakan Menduduki masih ada walaupun permohonan semakin berkurangan disebabkan Proses Peralihan kepada Sijil Perakuan Pematuhan Siap (CCC) yang telah berkuatkuasa pada tahun 2007.



Bahagian Penguatkuasaan & Pemantauan Bangunan

1. Tindakan penguatkuasaan dan pemantauan bangunan adalah mengikut peruntukan undang-undang sediada berdasarkan:

- Undang-undang Kecil Bangunan 1984 (UUKBS 1984)
- Akta Jalan Parit & Bangunan 1974 (Akta 133)

2. Bertanggungjawab dalam membuat siasatan dan mengambil tindakan terhadap aduan berkaitan dengan bangunan seperti bangunan retak, masalah CF, aduan perumahan (pemaju, dll.), bangunan tanpa kebenaran, ubahsuai tanpa kebenaran, ubahsuai / sambungan dan longgokan bahan binaan.

PENCAPAIAN PENYELESAIAN ADUAN

2011 Jumlah aduan yang diterima - 575


Aduan Selesai - 522

Pencapaian - 100%

OPERASI JABATAN

2011 Tindakan penguatkuasaan ke atas premis yang tidak menjelaskan bayaran premit


Operasi hotel bajet



(Bahagian Projek Rekabentuk dan Konservasi)

- Menyelaras garis panduan bangunan dan rekabentuk mengikut garis panduan yang diluluskan diperingkat MPS, JPBD Selangor dan KPKT.
- Melaksanakan aktiviti pengawasan terhadap kegunaan bangunan selaras dengan maksud yang dibenarkan secara amnya. Kawalan yang dijalankan adalah bagi tujuan keselamatan dan keselesaan.
- Memproses pelan-pelan permohonan Permit Tahunan Telekomunikasi, pembaharuan permit tahunan diatas tanah hak milik dan tanah kerajaan / TOL.
- Memantau Sistem Permit.

Hasil Kewangan Jabatan Bangunan




Jabatan Pelesenan

Permohonan dan Kelulusan Lesen


Pengeluaran lesen yang diberikan kepada peniaga bagi kelulusan lesen untuk premis perniagaan terdiri daripada premis perniagaan sesebuah, teres dan kompleks perniagaan. Rekod yang dikeluarkan menunjukkan permohonan lesen perniagaan tinggi. Bagi tujuan meningkatkan aktiviti ekonomi golongan peniaga kecil, Majlis telah mengeluarkan lesen-lesen penjaja, gerai pasar dan lesen peniaga pasar malam, pasar pagi dan pasar tani.

BIL	LESEN	PERMOHONAN	KELULUSAN
1	Premis Perniagaan	1944	1882
2	Gerai	67	62
3	Penjaja	341	339
4	Pasar Malam/Pagi/Tani	410	410
5	Karaoke dan Pub	35	27
6	Lain-lain Hiburan	76	76


Laporan Notis dan Kompaun



Sijil Kelayakan Menduduki



Pembaharuan Lesen



Bahagian Perolehan


Pengurusan Perolehan Majlis Perbandaran Selayang diuruskan secara terbaik dan paling menguntungkan dengan mematuhi prinsip perolehan seperti akauntabiliti awam, telus, nilai faedah terbaik serta saingan secara terbuka, adil dan saksama.

Majlis telah melaksanakan tender dan sebutharga secara terbuka untuk memberi peluang kepada semua kontraktor untuk membuat tawaran bagi kerja-kerja yang dikeluarkan oleh Majlis Perbandaran Selayang selain mewujudkan saingan secara sihat dan pemilihan ke atas kos yang menguntungkan Majlis.

Majlis juga memastikan kontraktor yang dilantik adalah kontraktor yang berkelayakan bagi memastikan pelaksanaan kerja dapat dibuat dengan sempurna.

Pelaksanaan Sebutharga Dan Tender Terbuka

BIL	PERKARA	2011
1	Tender	45
2	Sebutharga	125
	JUMLAH	170



Pelaksanaan Sebutharga Dan Tender Mengikut Pecahan


BIL	PERKARA	2011
1	Bekalan	6
2	Perkhidmatan	75
2	Kerja	89
	JUMLAH	170

Bahagian Perundangan

Perkhidmatan ini bertanggungjawab memberi khidmat nasihat perundangan kepada Majlis. Perkhidmatan ini juga mengawal dan menyelia segala aktiviti pembangunan kawasan pentadbiran Majlis untuk mewujudkan suasana yang selesa kepada warga Majlis.

BIL	TAHUN 2011	JUMLAH KOMPAUN/ PENCAPAIAN
1	Notis Pemberitahuan kesalahan dan kompaun Kompaun dibayar	89,598 RM1,018,940
	Kompaun tidak dibayar	RM10,661,391
	Kompaun Batal	2,574
2	Tawaran Mengkompaun (TM)	44,850
3	Pendakwaan	549 Kes
4	Semakan Undang-undang	5 Pindaan
5	Tindakan menuntut tunggakan Cukai Taksiran melalui Panel Peguam	70 Fail
6	Pendaftaran kaveat untuk kes tunggakan cukai	22 Fail

Fail sepanjang Tahun 2011



- Tindakan menuntut tungggakan Cukai Taksiran melalui Panel peguam (70 fail)
- Pendaftaran kaveat untuk kes tunggakan cukai (22 fail)

Jabatan Perkhidmatan Bandar & Alam Sekitar

Program Pengurusan Persekutaran


Majlis komited memastikan penjagaan dan pengurusan alam sekitarnya berada pada tahap yang baik. Aspek keindahan dan kebersihan menjadi tumpuan utama selaras dengan konsep ‘Selayangku Sayang’.

Program Kitar Semula MPS


Selaras dengan kempen kitar semula yang disarankan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. MPS telah menyediakan rumah kitar semula seperti di ibu pejabat MPS, Taman Tun Teja, Gombak Setia dan juga di Taman Samudera. Orang awam dijemput untuk menyahut seruan kerajaan agar mengitar semula sampah demi menyelamatkan alam sekitar. MPS telah mengambil inisiatif menjalankan Program Kitar Semula ‘Tukarkan Sampah Anda Kepada Wang Ringgit’.

Bil	Bulan	Kg. Kitar Semula	Hasil (RM)	Berat Tan SP
1	Januari	1,932.00	533.30	11,491.00
2	Februari	1,885.75	494.65	12,790.18
3	Mac	1,531.00	497.36	14,336.00
4	April	1,425.50	449.63	13,956.00
5	Mei	3,174.50	636.89	13,979.18
6	Jun	2,413.00	501.50	13,762.78
7	Julai	3,289.20	724.72	14,196.92
8	Ogos	4,632.00	814.10	15,452.90
9	September	1,806.00	173.75	13,755.35
10	Okttober	2,113.00	516.55	13,502.79
11	November	1,356.00	515.83	12,826.40
12	Disember	2,121.50	227.45	14,813.67
JUMLAH		27,679.45	6,085.73	164,863.17



Kitar Semula (kg) Mengikut Bulan



Hasil Kitar Semula (RM)



Berat Tan Sisa Pepejal (Sampah Bukit Tagar)



Jabatan Perhubungan Awam Dan Perancangan Korporat



Majlis percaya untuk mempertingkatkan kecekapan pentadbiran dan operasinya, bantuan dan kerjasama daripada masyarakat setempat amat penting. Bagi mengenal pasti masalah yang wujud, Majlis sentiasa mengalu-alukan masyarakat untuk membuat aduan mengenai masalah yang memerlukan perhatian dan tindakan segera.


Aduan Mengikut Saluran

Bagi memastikan kecekapan sistem pengurusan aduan, MPS menyediakan pelbagai saluran media seperti

panggilan telefon, surat, e-mel dan faks selain dari datang sendiri ke Majlis. Aduan melalui panggilan telefon adalah paling tinggi iaitu 59.3 peratus.

Perkhidmatan Aduan

Sebanyak 10,586 aduan diterima oleh Majlis pada tahun 2011. Setakat Disember 2011, sebanyak 10364 aduan selesai dan 222 jumlah aduan dalam tindakan dan perhatian. Peratus penyelesaian adalah sebanyak 97.90%



Jabatan Taman & Rekreasi

Penjagaan Seni Taman dan Rekreasi menjadi salah satu fokus utama Majlis dalam memastikan tanaman di sekitar kawasan pentadbirannya terjaga dan terpelihara. Ia turut memperkasakan konsep pembangunan '*Gaya Hidup Sihat Menjana Kesejahteraan Sosial*'. Oleh itu, setiap pembangunan yang dirancang sentiasa mementingkan keperluan dan kemudahan awam khususnya kearah pembangunan mental dan fizikal.

Kempen Tanam Pokok yang telah disarankan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah sebanyak 103,583 pokok melebihi jumlah yang ditetapkan sebanyak 60,000 dan pecahannya adalah seperti berikut:-

BIL	PERKARA	JUMLAH
1	Pokok Utama	9,527
2	Pokok Bunga Raya	15,146
3	Pokok Bunga Rasmi (Siantan) dan pokok lain-lain.	78,910

Jumlah pelbagai pokok yang ditebang, cantas dan pangkas adalah sebanyak 2,441 telah dilaksanakan bersama kontraktor yang dilantik dan secara '*in house*'.

Jabatan juga telah berjaya menyelesaikan dan mengambil tindakan terhadap aduan-aduan awam yang diterima di sepanjang tahun 2011 berjumlah 1,283 aduan.

Selain daripada itu, Jabatan telah membangunkan satu taman baru iaitu Tasik Bandar Country Homes, Rawang untuk dijadikan sebagai Taman Awam. Tasik tersebut adalah sebuah tasik yang telah dibangunkan oleh pemaju dan diserahkan kepada MPS dengan kos menambahbaik sebanyak RM70,000.

Taman tasik yang lain ialah Taman Tasik Seri Gombak, Taman Tasik Bersatu dan Tasik Biru Kundang.



Jabatan Khidmat Pengurusan


Bilangan Pekerja Mengikut Gred Jawatan

GRED	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
Gred A	44	2	46
Gred B	82	6	88
Gred C	278	141	419
Gred D	262	51	313
JUMLAH	666	200	866

Jumlah Pengambilan Pekerja Mengikut Gred Jawatan

GRED	TETAP	KONTRAK	JUMLAH
Gred A	2	1	3
Gred B	16	2	18
Gred C	11	34	45
Gred D	2	6	8
JUMLAH	31	43	74

Jumlah Latihan untuk Kakitangan



- Mandatori (15)
- Khusus (94)
- Umum (105)
- Kewangan (11)
- Kualiti (2)
- Pembangunan Kerjaya (1)
- Teknologi Maklumat (3)
- Team Building (2)
- Bahasa (2)
- Kerohanian (27)
- ILPBT (7)

Jabatan Kejuruteraan


Majlis bertanggungjawab memastikan infrastruktur dan kemudahan awam yang disediakan akan diselenggara serta memberi keselesaan kepada penduduknya. Pemantauan dan pemeriksaan dilaksanakan secara telus agar setiap aduan kerosakan terhadap kemudahan dan infrastruktur diambil tindakan.

Kerosakan Infrastruktur

BIL	PERKARA	KEROSAKAN
1	Jalan	989
2	Longkang	510
3	Papan Tanda	22
4	Lampu Jalan	1098
5	Bonggol	83
	JUMLAH	2702

Pembaikan Infrastruktur

Majlis berjaya menyelesaikan 97% daripada keseluruhan aduan. Tugas pembaikan setiap kerosakan dibuat berdasarkan keutamaan dan secara berterusan.



- Jalan (951)
- Longkang (484)
- Papan Tanda (20)
- Lampu Jalan (1096)
- Bonggol (80)

Unit Urusetia

Unit urusetia berperanan dalam menyedia dan mengedar minit mesyuarat yang telah diperakukan oleh majlis untuk tindakan pihak berkenaan. (Bertindak dalam menguruskan Mesyuarat Garis Panduan Tatacara Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan Bil. 1/2011). Bilangan mesyuarat jawantankuasa kecil yang bersidang dari Januari hingga Mei 2011,

BIL	TAJUK MESYUARAT	JUMLAH
1	Mesyuarat Majlis MPS	12 kali
2	Jawatankuasa Kecil Kewangan	5 kali
3	Jawatankuasa Kecil Pelesenan dan Pembangunan Usahawan	5 kali
4	Jawatankuasa Kecil Pelaburan dan Penswastaan	5 kali
5	Jawatankuasa Kecil Perkhidmatan dan Perjawatan	5 kali
6	Jawatankuasa Kecil Perkhidmatan Bandar dan Lalulintas	5 kali
7	Jawatankuasa Kecil Pembangunan Insan, Sukan, Kebudayaan & Pelancongan MPS	5 kali

Mulai bulan Jun 2011 semua nama Mesyuarat Jawatankuasa Kecil ditukarkan mengikut Garis Panduan Tatacara Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan Bil. 1/2011)

BIL	TAJUK MESYUARAT	JUMLAH
1	Jawatankuasa Kewangan	7 kali
2	Jawatankuasa Kawalan Perniagaan & Kesihatan	7 kali
3	Jawatankuasa Infrastruktur	6 kali
4	Jawatankuasa Pengindahan Bandar	7 kali
5	Jawatankuasa Perkhidmatan & Teknologi Maklumat	7 kali
6	Jawatankuasa Kemasyarakatan	6 kali
7	Jawatankuasa Aduan	12 kali
8	Mesyuarat Pagi (*Catatan: Mulai Bulan Okt. 2011 Pengurusan Minit Mesyuarat ini telah diambil alih oleh Jabatan Khidmat Pengurusan)	10 kali
9	Mesyuarat Pengurusan (*Catatan: Mulai Bulan Okt. 2011 Pengurusan Minit Mesyuarat ini telah diambil alih oleh Jabatan Khidmat Pengurusan)	10 kali

Bahagian Teknologi Maklumat

Sistem - Sistem Baru Yang Dibangunkan Pada 2011 :

1. Sistem Permit Papan Iklan Luaran
2. Sistem JMB (Joint Management Body)
3. Sistem Kutipan Kolam Renang
4. Sistem Penghantaran Bil Cukai Melalui Emel
5. e-Taksiran
6. HRMIS
7. OSC Online
8. Sistem Pengurusan Mesyuarat

Penarafan 5 Bintang Portal MPS di dalam Malaysia Government Portal and Websites Assessment

Majlis Perbandaran Selayang telah menerima Anugerah Penarafan 5 Bintang di dalam Malaysia Government Portal and Websites Assessment oleh Multimedia Development Corporation (MDEC) bagi tahun 2011.

Jabatan Belia, Sukan & Kemasyarakatan

Sukan dan Kebudayaan

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Pertandingan Kugiran 60an Antara Pihak Berkuastra Tempatan Malaysia 2011	16/7/2011	Auditorium Dewan Sivik MBPJ
2	Kejohanan 4th Kundang Invitational Jetsports Challenge 2011	22–24/7/2011	Tasik Biru Kundang, Rawang
3	Kejohanan Tenpin Bowling Piala Dato' Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang 2011	20/11/2011	Wangsa Bowl, Selayang Mall
4	Sukan Antara Kakitangan	15/11 – 29/12/2011	<ol style="list-style-type: none"> 1. Lobi Menara MPS 2. FHMJ Futsal Centre, Tmn Sri Gombak 3. Wangsa Bowl, Selayang Mall 4. Dewan Beringin, MPS 5. Dewan Keraian, MPS 6. Dewan Seroja, MPS 7. Padang Taman Anggerik, BBS
5	Festival Jalanan Negeri Selangor Peringkat Daerah Gombak Bagi Tahun 2011	2/12/2011	Giant Hypermarket Batu Caves

Pengerak Belia Tempatan (PeBT)

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Majlis Makan Malam Dan Penyampaian Sijil Penghargaan Pengerusi Penggerak Belia Tempatan (PeBT) Majlis Perbandaran Selayang.	1/11/2011	Restoran Kondominium Casa Mila, Bukit Idaman
2	“Youth In Community” Perdana 2011	19/11/2011	<ol style="list-style-type: none"> 1. Surau Al-Abrar Taman Selayang 2. Dewan Belia Seri Gombak 3. Pusat Maklumat Belia, Kg. Sg. Kertas 4. Gelanggang Takraw, Taman Selayang

Kemasyarakatan

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Perayaan Pesta Tanglung 2011	10/09/2011	Jalan Daya 12, Taman Daya

Program Mesra Rakyat



Dalam usaha menjadi organisasi yang memberikan perkhidmatan yang mesra rakyat, Majlis telah melaksanakan beberapa aktiviti bagi memantapkan lagi pengurusan dan memberi perkhidmatan yang cemerlang dan telus kepada masyarakat.

Hari Bertemu Pelanggan diadakan bagi mengenalpasti isu dan masalah penduduk dan mengambil tindakan segera. Manakala aktiviti turun padang yang dilaksanakan bertujuan memantau pembangunan yang dijalankan tidak menghadapi masalah. Sesi dialog yang diadakan bermatlamat merapatkan hubungan Majlis dan pertubuhan NGO dalam menyelesaikan masalah dan isu seperti masalah setinggan.

Program Mesra Rakyat

Majlis Perbandaran Selayang sentiasa giat untuk meningkatkan mutu perkhidmatan terutama dari segi memenuhi kehendak pelanggan. Untuk mencapai matlamat tersebut, pelbagai aktiviti sedang dirancang dan telah dibuat seperti mengadakan Hari Bertemu Pelanggan pada setiap Jumaat minggu kedua dan lawatan turun padang pada minggu pertama dan ketiga setiap bulan.

Bagi Program Hari Bertemu Pelanggan, semua pengarah yang diketuai oleh Tuan Yang Dipertua akan duduk dan mendengar masalah orang awam dan berbincang bagaimana untuk menyelesaikan masalah mereka. Kaunter akan mula dibuka dari jam 8.30 pagi dan berakhir pada jam 11.30 pagi. Bagi tahun 2011, MPS telah mengadakan sebanyak 20 kali Hari Bertemu Pelanggan dan menerima 233 aduan.

Aktiviti turun padang juga turut diadakan bagi membolehkan Tuan Yang Dipertua melihat sendiri aduan-aduan yang memerlukan tindakan segera.

Program Local Agenda 21 (LA21) yang dilaksanakan:

- Gotong-royong
- Program Komuniti Sihat
- Seminar Penyelarasaran Agensi Teknikal
- Seminar LA 21
- Operasi Menembak Gagak
- Pertandingan Premis Makanan Terbersih
- Program Menanam Pokok
- Pertandingan Futsal Antara Jawatankuasa Penduduk (JKP)
- Minggu IT
- Konvoi 4x4 Kibar Jalur Gemilang
- Pertandingan Nyanyian Selayang Idol
- Majlis Berbuka Puasa
- Pertandingan Sepak Takraw MPS

Bagi memenuhi keperluan masyarakat menjalankan aktiviti kemasyarakatan, MPS mempunyai sebanyak 12 buah Dewan Serbaguna dan Dewan Orang Ramai di seluruh kawasan pentadbirannya.







LOKASI PELANCONGAN




TAMAN EKSTREM GUA DAMAI

Taman Ekstrem Gua Damai terletak berhampiran dengan Batu Caves. Bagi penggemar ‘rock climbing’ Taman Ekstrem ini dijadikan sebagai tempat latihan dan aktiviti memanjat gunung. Kawasan sekitarnya dipelihara dengan baik dan terdapat kemudahan awam disediakan di sini antaranya lampu untuk memanjat di waktu malam, tempat letak kereta, tandas dan kawasan permainan kanak-kanak.

GUA BATU CAVES

Kawasan ini terletak 13km dari Bandaraya Kuala Lumpur. Gua Batu Caves merupakan Gua Batu Kapur yang telah wujud lebih seratus tahun dahulu dimana didalamnya terbentuk *stalakait* dan *stalaktait* yang begitu indah dengan ketinggian 100 meter.

Ia lebih popular di kalangan penganut agama Hindu yang mengadakan sambutan Perayaan Thaipusam di situ pada setiap tahun dimana hampir sejuta orang penganut agama Hindu akan datang ke Batu Caves. Untuk sampai ke puncak pintu gua Batu Caves, seseorang perlu mendaki sejumlah 272 anak tangga. Disamping itu, keindahan pemandangan dari puncak tangga dan keindahan kawasan dalam gua telah berjaya menarik ramai pelancong dari dalam dan luar negara.



HUTAN LIPUR BUKIT LAGONG

Hutan Lipur Bukit Lagong merupakan salah satu kawasan eko-pelancongan yang terdapat di negeri Selangor. Terletak 15 kilometer dari pusat bandar Kuala Lumpur, hutan lipur ini menyediakan pelbagai kemudahan seperti wakaf, gerai buah, tandas, dua jambatan dan juga bilik persalinan. Pelaburan Majlis Perbandaran Selayang (MPS) sebanyak RM450,000 untuk membangunkan kawasan rekreasi Hutan Lipur Bukit Lagong ini diharap dapat memberikan keselesaan dan kemudahan terbaik seterusnya menarik lebih ramai pengunjung ke sini.



TAMAN RIMBA TEMPLER

Taman Rimba Templer terletak di Hutan Simpan Kanching yang mempunyai jenis Hutan Dipterokarp Pamah. Hutan Lipur ini menyediakan beberapa kemudahan untuk keselesaan pengunjung melakukan aktiviti disini.

Kemudahan yang disediakan adalah seperti kemudahan untuk mandi, berkelah, berkhemah, trekking dan jogging. Disini juga pengunjung boleh bersiar-siar sambil melihat keindahan landskap, flora dan fauna yang terdapat di kawasan ini.



MUZIUM ORANG ASLI

Muzium Orang Asli terletak di Jalan Gombak kira-kira 20km dari Kuala Lumpur. Muzium ini mempamerkan koleksi artifak seperti sumpit buluh dan belanga yang berusia lebih dari 600 tahun selain penerangan mengenai Orang Asli.



INSTITUT PENYELIDIKAN PERHUTANAN MALAYSIA (FRIM)

Terletak di Kepong dengan keluasan 600 hektar, FRIM dikelilingi oleh Hutan Simpan Bukit Lagong. Pakej melawat hutan yang ditawarkan memberi peluang untuk aktiviti luar seperti rekreasi dan pendidikan umum. FRIM turut menjadi lokasi yang begitu popular kepada mereka yang gemar berkelah, berlari, berbasikal, di samping melancong serta mengkaji alam semula jadi.

Tidak ketinggalan, FRIM juga terkenal sebagai tempat untuk mengadakan hari keluarga, pertandingan mencari harta karun, berkhemah, meninjau burung, menjelajah hutan dan sesi fotografi. Tempat yang pada mulanya merupakan sebuah kawasan terbiar lama bekas perlombongan, yang kemudian bertukar menjadi kebun sayur, kini merupakan satu destinasi hutan yang bebas daripada pencemaran, dengan udara yang lebih sejuk dan nyaman.





EMPANGAN BATU

Empangan ini merupakan kawasan rekreasi yang popular di kalangan penduduk tempatan. Pada masa ini, kemudahan yang disediakan adalah gerai-gerai, tandas awam serta kemudahan fizikal seperti trek berjalan kaki dan jogging serta kawasan permainan kanak-kanak. Terdapat cadangan untuk memajukan penginapan berbentuk chalet dan kemudahan-kemudahan sokongan yang lain serta aktiviti sukan air tidak bermotor seperti berkayak.



TASIK BIRU KUNDANG

Tasik ini merupakan kawasan bekas lombong yang agak popular di kalangan penduduk setempat terutama pada hujung minggu. Pada masa ini, kemudahan yang disediakan untuk para pelawat ialah gerai penjaja. Antaranya aktiviti yang dilakukan di tasik ini termasuklah berenang dan juga permainan jet ski yang semakin popular pada masa kini.



HUTAN LIPUR SUNGAI TUA

Berhampiran Empangan Batu, Hutan Lipur Sg. Tua merupakan hutan simpan dan rekreasi yang mempunyai air terjun yang menarik.

HUTAN LIPUR KANCHING

Terletak kira-kira 3km dari Taman Rimba Templer, Hutan Lipur ini dilengkapi dengan laluan pejalan kaki sepanjang air terjun. Seperti Taman Rimba Templer, kawasan ini masih diliputi hutan tropika yang hijau. Di beberapa lokasi terdapat kedudukan yang sesuai untuk perkhemahan dan aktiviti berkelah selain menjadi tumpuan oarang ramai terutamanya di hujung minggu. Antara kemudahan yang disediakan ialah tandas awam, tempat persalinan, gerai untuk menjaja dan kawasan letak kereta.



TAMAN RIMBA KOMANWEL

Taman Rimba Komanwel dilancarkan sempena dengan Persidangan Perhutanan Komanwel ke-14 pada tahun 1993. Taman rimba ini terkenal dengan keaslian pokok-pokok hutan dan keindahan landskapnya. Di samping itu terdapat juga kawasan berkhemah, monumen air pancut, 'trek jogging' dan lain-lain aktiviti yang memberi peluang kepada orang ramai dan pengunjung untuk menikmati alam semulajadi.



AKTIVITI TAHUNAN 2011

AKTIVITI TAHUNAN

1



PELEPASAN LE TOUR DE LANGKAWI (LTDL) 2011 Peringkat 6 (Rawang Putrajaya)
28 JANUARI 2011 | RAWANG

2



SAMBUTAN MAULIDUR RASUL MPS | 18 FEBUARI 2011 | LOBI MENARA MPS.

3



SAMBUTAN TAHUN BARU CINA | 19 FEBRUARI 2011 | SELAYANG JAYA

4



PEMERIKSAAN PANEL STAR RATING KEMENTERIAN PERUMAHAN & KERAJAAN TEMPATAN
21 FEBRUARI 2011 | MENARA MPS

5



PERASMIAN ZON BERSIH MPS | 13 MAC 2011 | TAMAN SERI GOMBAK

6



SELANGOR MOUNTAIN BIKE CHALLENGE | KUANG | 24 APRIL 2011

7



MAJLIS DIALOG DI KUANG, SELANGOR | 25 JUN 2011 | KAMPUNG DAMAI KUANG

8



KUNDANG JET SPORT CHALLENGE KALI KE-4 | 22 - 24 JULAI 2011 | TASIK BIRU KUNDANG

9



PELANCARAN PROGRAM AMALAN PERSEKITARAN BERSIH 5S MPS | 30 JULAI 2011
LOBI MENARA MPS

10



BUBUR LAMBUK | 16 OGOS 2011 | PERKARANGAN MPS

11



SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN PERINGKAT MPS | 16 OGOS 2011 | PERKARANGAN MPS

12



MAJLIS BERBUKA PUASA & KHATAM AL-QURAN | 25 OGOS 2011 | MENARA MPS

13



KARNIVAL BATU ARANG | 16 OCTOBER 2011 | BATU ARANG

14



HARI KELUARGA MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG | 03 DISEMBER 2011 | FRIM

15



SAMBUTAN HARI INIVASI MPS | 6 DISEMBER 2011 | LOBI MENARA MPS



Majlis Perbandaran Selayang



CERTIFIED TO MS ISO 9001:2008
REGISTRATION NO: AR4621

DITERBITKAN OLEH

Jabatan Perhubungan Awam & Perancangan Korporat
Majlis Perbandaran Selayang
Menara MPS, Persiaran 3, Bandar Baru Selayang
68100 Batu Caves,
Selangor Darul Ehsan

ISBN 977-2-2893-5500-3

00010

9 772289 355003